

→ WILAYAH

[FOTO SHAHRINNAHAR LATIB/BH]

Fakta
nomor

166 ANAK YATIM

dirai pada majlis
Sentuhan Kasih



Norol Azali diiringi Daing bersama sebahagian anak yatim pada majlis makan malam sempena Program Sentuhan Kasih di UMP Kampus Gambang, kelmarin.

UMP anjur Program Sentuhan Kasih

➔ Kerjasama dengan PKPP rai anak yatim pada majlis makan malam

Oleh Shahrinnahar Latib
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP) meraikan 166 anak yatim pada majlis makan malam sempena Program Sentuhan Kasih di sini, malam kelmarin.

Naib Canselor UMP, Datuk Prof Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata beberapa aktiviti diadakan sepanjang program berkenaan seperti

sesi latihan dalam kumpulan, permainan minda dan lawatan sekitar kampus.

"Semua anak yatim adalah dari daerah Pekan dan Rompin itu turut dibawa bersantai di Bukit Gambang Resort City" katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap meratakan anak yatim berkenaan.

Beri galakan, motivasi

Program diadakan di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang itu dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-Tugas Khas negeri,

Datuk Norol Azali Sulaiman.

Daing Nasir berkata, kepelbagaiannya pengisian aktiviti adalah bertujuan memberi galakan dan motivasi kepada peserta untuk lebih bersemangat dalam meniti cabaran kehidupan sebagai anak yatim.

"Ia juga dapat menyuntik kesedaran dalam diri mereka bahawa walaupun tanpa ibu atau bapa di sisi, masih ramai individu nyanyik pihak yang mengasihinya serta mengambil berat perihal anak-anak yatim ini."

"Kita amat bersyukur kerana selain sumbangan kewangan kepada

Rumah Anak Yatim Nur Iman dan Rumah Penyayang Tun Abdul Razak, PKPP turut menaja peralatan sekolah kepada anak yatim yang berbakat dalam program ini," katanya.

Sementara itu, seorang peserta, Sharifah Nor Najima Syed Nujaimi, 15, berkata dia teruja kerana dapat mengikuti lawatan itu dan akan belajar bersungguh-sungguh untuk memasuki universiti.

"Pendedahan awal itu membuatkan saya lebih mengetahui bagaimana selok belok dan halal tuju selesa tamat persekolahan nanti," katanya.